



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 08 Ogos 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	KPWKM Sedia Perkhidmatan Penjagaan, Perlindungan Terbaik Kepada Mangsa Perdagangan Manusia https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2326323 https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2326324	Bernama Bernama	Positif
2.	Penjaga Adik Zayn Rayyan Diputuskan Minggu Depan – JKM https://www.kosmo.com.my/2024/08/07/penjaga-adik-zayn-rayyan-diputuskan-minggu-depan-jkm/ https://www.buletintv3.my/nasional/penjaga-adik-zayn-rayyan-akan-diketahui-dalam-masa-terdekat/#google_vignette	Kosmo Buletin TV3	Neutral
3.	Kanak-Kanak 12 Tahun Pandu Kereta Mengaku Tidak Bersalah https://www.hmetro.com.my/utama/2024/08/1119939/kanak-kanak-12-tahun-pandu-kereta-mengaku-tidak-bersalah https://www.sinarharian.com.my/article/679015/berita/semasa/kanak-kanak-12-tahun-pandu-kereta-bapa-didakwa-cuai https://www.youtube.com/watch?v=0-DnqKjHbEs https://www.youtube.com/watch?v=WN6iRf_rheQ	Harian Metro Sinar Harian Astro Awani Sinar Harian	Neutral

	<p>https://malaysiagazette.com/2024/08/07/kes-kanak-kanak-pandu-kereta-bapa-berdepan-denda-rm50000/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-12-tahun-pandu-kereta-mengaku-tidak-bersalah-482483?utm_source=grid&utm_medium=microsite&utm_campaign=20240807%20Grid</p> <p>https://api.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1281842/kanak-kanak-12-tahun-didakwa-memandu-kereta</p> <p>https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2326456</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/08/07/kanak-kanak-pandu-kereta-mengaku-tidak-bersalah/</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/kanak-kanak-pandu-kereta-mengaku-tidak-bersalah-LJ12828425</p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Astro Awani</p> <p>Berita Harian</p> <p>Bernamea</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>The Sun</p>	
4.	<p>Pengasuh Ditahan Bantu Siasatan Kanak-Kanak Dua Tahun Meninggal Dunia</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/08/07/pengasuh-ditahan-bantu-siasatan-kanak-kanak-dua-tahun-meninggal-dunia/</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/pengasuh-ditahan-kes-kanak-kanak-dua-tahun-meninggal-dunia/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=O3pNQdihhrY</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2326685</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1120109/kanak-kanak-jagaan-meninggal-dunia-pengasuh-ditahan</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/kanak-kanak-dua-tahun-meninggal-dunia-terjatuh-di-rumah-pengasuh-E112830598</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-dua-tahun-meninggal-dunia-polis-tahan-pengasuh-bantu-siasatan/</p>	<p>Kosmo</p> <p>Utusan</p> <p>Astro Awani</p> <p>Bernamea</p> <p>Harian Metro</p> <p>The Sun</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral

5.	<p>Ibu Tunggal OKU Bimbang Rumah Makin Uzur</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/679057/edisi/melakan/ibu-tunggal-oku-bimbang-rumah-makin-uzur</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/rumah-pusaka-uzur-ibu-tunggal-mohon-bantuan/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Utusan</p>	Neutral
6.	<p>Warga Emas Berputih Mata, Wang Simpanan RM655,109 Lebur Sertai Pelaburan Online</p> <p>https://api.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1281519/warga-emas-berputih-mata-wang-simpanan-rm655109-lebur-sertai-pelaburan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/679000/berita/semasa/tertarik-tawaran-90-peratus-untung-warga-emas-rugi-rm655109</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1119834/warga-emas-rugi-lebih-rm600000-diperdaya-pelaburan-tidak-wujud</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/08/07/lebi-rm600000-lesap-warga-emas-terpedaya-pelaburan-90-untung/</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>FMT</p>	Neutral
7.	<p>Dua Lelaki Termasuk Warga Emas Melecur Rumah Terbakar</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/679020/berita/semasa/dua-lelaki-termasuk-warga-emas-melecur-rumah-terbakar</p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral
8.	<p>Mykad Hilang, Hampir Setahun Warga Emas Terlantar Tak Keluar Wang Bantuan</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1281576/mykad-hilang-hampir-setahun-warga-emas-terlantar-tak-keluar-wang#google_vignette</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/warga-emas-terlantar-terima-mykad-baharu/</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Utusan</p>	Neutral

9.	<p>Tiada Ikat Jamin Untuk Kamu, Kata Hakim Kepada Gelandangan Cabul Pelajar</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2024/08/1281646/tiada-ikat-jamin-untuk-kamu-kata-hakim-kepada-gelandangan-cabul-pelajar</p>	Berita Harian	Neutral
----	---	---------------	---------

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

PENJAGA ADIK ZAYN RAYYAN DIPUTUSKAN MINGGU DEPAN – JKM

PETALING JAYA – Penjaga kepada adik kanak-kanak autistik, Allahyarham Zayn Rayyan Zaim Ikhwan akan diketahui selewat-lewatnya minggu hadapan.

Walau bagaimanapun Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor Azmir Kassim berkata, penjaga terpilih berkemungkinan akan diberikan tempoh percubaan terlebih dahulu.

“Kita jangkakan perintah percubaan dahulu,” katanya ketika dihubungi Kosmo!

Ketika disoal sama ada penjaga berkenaan terdiri dalam kalangan keluarga ibu atau bapa Zayn Rayyan, beliau memaklumkan ia belum dapat dikongsikan lagi.

“Maaf tak boleh. Sebab kita kena bawa (maklumat penjaga dipilih) ke Mahkamah Bagi Kanak-Kanak terlebih dahulu untuk dapatkan keputusan.

“Nanti Menteri KPWKM (Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan beri kenyataan penuh,” tambahnya.

Kosmo! pada 14 Jun lalu melaporkan JKM memperoleh perintah jagaan sementara selama dua bulan terhadap adik kepada Zayn Rayyan.

Perintah jagaan itu dikeluarkan Mahkamah Majistret Shah Alam di bawah Seksyen 25 (2) Akta Kanak-Kanak 2001. – KOSMO! ONLINE

KANAK-KANAK 12 TAHUN PANDU KERETA MENGAJU TIDAK BERSALAH

Sepang: Kanak-kanak berusia 12 tahun yang tular memandu kereta di taman perumahan di Puchong, didakwa di Mahkamah Majistret, di sini, hari ini

Bagaimanapun, kanak-kanak lelaki itu selaku Orang Kena Saman (OKS) dan masih di bawah umur mengaku tidak bersalah atas pertuduhan yang dibacakan di hadapan Majistret Muhammad Bukhori Md Ruslan, dalam prosiding berlangsung secara tertutup.

Kanak-kanak itu dituduh mengikut Seksyen 39(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39(5) akta sama, kerana memandu Perodua Viva pada 29 Julai lalu, yang mana ketika itu umurnya adalah 12 tahun tiga bulan.

Sabit kesalahan, dia boleh didenda tidak lebih RM2,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Terdahulu, di mahkamah sama, [bapanya](#) yang juga warga Pakistan dan pemegang kad Pemaustatin Tetap (MyPR) berusia 53 tahun selaku OKS turut mengaku tidak bersalah atas pertuduhan membenarkan anak lelakinya memandu kereta sama.

Mengikut pertuduhan, tertuduh sebagai pemilik kereta jenis Perodua Viva dengan didapati membenarkan anaknya berusia 12 tahun memandu kereta itu di atas jalan.

Kesalahan itu dilakukan di tempat dan waktu sama mengikut Seksyen 39(5) A Pengangkutan Jalan 1987 yang turut memperuntukkan hukuman yang sama.

Selain itu, dia juga dituduh mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) kerana mengabaikan dan bertindak secara cuai yang mungkin mendedahkan anaknya kepada kecederaan fizikal, dengan cara gagal mengawasi kanak-kanak itu sehingga [memandu kenderaan](#).

Kesalahan itu dilakukan di sebuah taman perumahan di Taman Putra Impiana, Puchong, dekat sini pada 7.30 petang, 28 Julai lalu

Mahkamah membenarkan kanak-kanak itu diikat jamin RM500, manakala bapanya diikat jamin RM2,000 dengan masing-masing seorang penjamin, manakala sebutan semula kes ditetapkan 4 September.

PENGASUH DITAHAN BANTU SIASATAN KANAK-KANAK DUA TAHUN MENINGGAL DUNIA

IPOH – Polis menahan pengasuh wanita bagi membantu siasatan kes kematian seorang kanak-kanak perempuan berusia dua tahun di bawah jagaannya, hari ini.

Ketua Polis Perak, Datuk Azizi Mat Aris berkata, tangkapan terhadap wanita berusia 30 tahun itu dibuat selepas hasil bedah siasat mendapati mangsa maut disebabkan kecederaan di kepala akibat objek tumpul.

Katanya, punca kematian itu diperoleh selepas bedah siasat ke atas mangsa dijalankan di Jabatan Forensik Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) pada pukul 10.45 pagi tadi.

"Kelmarin, polis daerah Ipoh menerima satu laporan daripada bapa kanak-kanak berusia 26 tahun yang memaklumkan anaknya tidak sedarkan diri selepas jatuh di atas lantai di rumah pengasuh.

"Mangsa kemudian dibawa ke hospital untuk pemeriksaan lanjut namun dia disahkan meninggal dunia pada pukul 11.10 malam, semalam," katanya di sini hari ini. – KOSMO! ONLINE

WARGA EMAS BERPUTIH MATA, WANG SIMPANAN RM655,109 LEBUR SERTA PELABURAN ONLINE

JOHOR BAHRU: Warga emas kerugian wang simpanan berjumlah RM655,109 selepas terpedaya tarikan keuntungan 90 peratus daripada pelaburan dalam talian, dua bulan lalu.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Utara, Asisten Komisioner Balveer Singh Mahindar Singh, berkata mangsa lelaki tempatan berusia 73 tahun membuat laporan semalam selepas sedar diperdaya.

Katanya, warga emas itu mendakwa menerima satu pautan WhatApss daripada penama Tan Teng Boo yang menawarkan pelaburan dalam talian dengan menjanjikan keuntungan 90 peratus daripada modal yang dilaburkan.

"Mangsa tertarik dengan keuntungan besar yang dijanjikan dan bersetuju membuat pelaburan tersebut.

"Dalam tempoh dua bulan, mangsa membuat sembilan transaksi ke lima akaun bank berbeza yang diberikan bermula 2 Julai hingga 30 Julai, dengan jumlah keseluruhan modal sebanyak RM655,109.80.

"Mangsa menyedari dirinya ditipu apabila tidak mendapat keuntungan yang dipaparkan di pautan dan dimaklumkan suspek bahawa akaunnya disekat," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurut Balveer Singh, siasatan juga akan meliputi pembabitkan keldai akaun jika ada dan tindakan akan diambil terhadap pemilik akaun terbabit.

DUA LELAKI TERMASUK WARGA EMAS MELECUR RUMAH TERBAKAR

SHAH ALAM - Dua lelaki termasuk seorang warga emas melecur dalam kejadian kebakaran melibatkan dua rumah di Kampung Delek Baru, Klang dekat sini pada Rabu.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Ahmad Mukhlis Mokhtar berkata, lelaki berumur lingkungan 70-an yang juga orang kurang upaya (OKU) itu melecur sebanyak 20 peratus pada bahagian tangan kiri, manakala seorang lagi mangsa berusia sekitar 30-an melecur pada bahagian kaki.

Beliau berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian pada 7.54 pagi dan menggerakkan 22 anggota berserta tiga jentera Fire Rescue Tender (FRT), satu tangki air dan dua unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) ke lokasi kejadian bagi mengawal kebakaran.

"Sebaik tiba di lokasi kejadian didapati berlaku kebakaran melibatkan dua rumah kelas B jenis sesebuah berkeluasan 600 kaki persegi setiap unit.

"Rumah pertama terbakar 70 peratus, manakala rumah kedua terbakar 40 peratus dan kerja-kerja pemadaman telah selesai dilakukan," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Ahmad Mukhlis berkata, kedua-dua mangsa telah diberikan rawatan awal oleh anggota EMRS sebelum dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang untuk rawatan lanjut. – Bernama

MYKAD HILANG, HAMPIR SETAHUN WARGA EMAS TERLANTAR TAK KELUAR WANG BANTUAN



Shah Inor menyerahkan MyKad kepada Sabri ketika mengunjungi warga emas berkenaan di Kampung Surau Seberang Jaya, Butterworth. - NSTP/ NUR IZZATI MOHAMAD

BUTTERWORTH: Lelaki warga emas yang terlantar selepas hilang dua kaki akibat kencing manis berdepan kesulitan apabila tidak dapat mengeluarkan wang bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berikutan kehilangan MyKad.

Sabri Saad, 67, yang hidup sebatang kara bagaimanapun menarik nafas lega apabila dibantu melalui program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) dilaksanakan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), sekali gus menerima semula MyKad.

Sabri ketika ditemui berkata kad berkenaan hilang ketika dia mendapatkan rawatan di sebuah hospital hampir setahun lalu.

Susulan itu, katanya dia tidak dapat mengeluarkan bantuan bulanan RM500 daripada JKM disebabkan tidak mempunyai dokumen pengenalan diri.

"Duit bantuan saya minta seorang jiran keluarkan sebab saya tak boleh buat apa-apa kerana terlantar disebabkan tidak mempunyai kedua-dua belah kaki.

"Namun selepas kehilangan MyKad urusan pengeluaran wang tidak dapat dilakukan... ada pihak zakat (Zakat Pulau Pinang) datang untuk menghulurkan bantuan juga tidak boleh buat apa-apa memandangkan saya tidak ada kad pengenalan.

"Mujur saya dikelilingi jiran yang prihatin dan mereka maklumkan kepada JPN sekali gus memudahkan urusan saya," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Surau Seberang Jaya, di sini, semalam.

Terdahulu, Sabri menerima MyKad diserahkan sendiri Pengarah JPN Pulau Pinang, Shah Inor Shahbudin.

Shah Inor berkata, pihaknya terus turun padang sebaik menerima maklumat berhubung warga emas berkenaan yang keciciran MyKad dengan mengecualikan sebarang bayaran denda berikutan keadaan serba kekurangan.

"Kita berterima kasih kepada masyarakat sekeliling yang mengambil berat dengan menguar-uarkan kes seumpama ini dan berharap mana-mana pihak yang menyedari ada individu lain yang menghadapi masalah sama dapat memaklumkan kepada kita membantu," katanya.

Mengulas lanjut, Shah Inor berkata, 100 lawatan turun padang dilaksanakan dalam program MEKAR antara Januari hingga bulan ini.

"Pak Cik Sabri ini adalah pemohon ke-100 yang kita bantu dalam program MEKAR Ihsan tahun ini. Selain MEKAR Ihsan, kita ada juga kategori MEKAR Komuniti, MEKAR Identiti, MEKAR Pahlawan dan MEKAR Diaspora.

"Dengan penyerahan MyKad ini membolehkan Pak Cik Sabri mengeluarkan semula wang bantuan diperolehnya termasuk memudahkan pihak-pihak lain yang ingin membantunya terutama dari sudut pemprosesan bantuan bagi meringankan beban warga emas ini," katanya.

TIADA IKAT JAMIN UNTUK KAMU, KATA HAKIM KEPADA GELANDANGAN CABUL PELAJAR



MUAR: "Buat masa ini, mahkamah tak tawarkan ikat jamin, jadi kamu dihantar ke penjara dahulu," demikian kata Hakim Mahkamah Sesyen, Abu Bakar Manat

terhadap gelandangan yang dituduh melakukan amang seksual fizikal terhadap pelajar di pasar malam di Kluang, bulan lalu.

Tertuduh, Ho Khek Chung, 50, yang masih bujang sebelum itu mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan sebaik pertuduhan dibacakan terhadapnya.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu terhadap pelajar perempuan berusia 15 tahun di sebuah pasar malam dalam daerah Kluang, pada jam 4.15 petang, 31 Julai lalu.

Bagi pertuduhan ini, dia didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan jika sabit kesalahan.

Berdasarkan laporan dibuat, mangsa ditemani ibunya datang ke pasar malam terbabit untuk membeli makanan.

Kejadian berlaku ketika mangsa berselisih dengan tertuduh dan kesempatan itu diambil lelaki terbabit melakukan perbuatan itu.

Selepas kejadian itu, mangsa menangis dan menceritakan kepada ibunya sebelum membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kluang pada hari sama.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Danial Munir manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, pihak pendakwaan tidak menawarkan ikat jamin memandangkan tertuduh tidak mempunyai alamat tetap dan mungkin berdepan kesukaran pihak berkuasa untuk mengesannya.

Selepas mendengar hujahan itu, mahkamah membenarkan permohonan pihak pendakwaan dan menetapkan 10 September ini untuk serahan dokumen dan lantikan peguam tertuduh.